

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

SBU221 - Pengantar Pembangunan Malaysia

Masa: (3 jam)

Jawab EMPAT soalan sahaja. Tiap soalan membawa markah yang sama.

1. Dasar pembangunan kolonial Inggeris di Tanah Melayu membentuk kemiskinan Melayu luar bandar. Bincangkan. (100 markah)
2. Kenapakah rancangan pembangunan lima tahun di Malaysia dimulakan dan huraikan apakah perbezaan penting antara satu rancangan pembangunan lima tahun dengan yang lain sehingga Rancangan Pembangunan Lima Tahun ke Lima. (100 markah)
3. Huraikan sejauh manakah dasar pembangunan Malaysia keseluruhannya berkait dengan kedudukannya dalam perdagangan antarabangsa. (100 markah)
4. Berbagai strategi pembangunan luar bandar telah dilaksanakan tetapi masih ramai yang miskin. Apakah strategi-strategi tersebut lemah? Bincangkan. (100 markah)
5. Dasar perindustrian negara menggalakkan perkembangan industri untuk eksport. Kenapa? (100 markah)
6. Pembangunan di Malaysia menampakkan perbezaan pencapaian yang agak ketara di antara negeri-negeri. Huraikan perkara ini dengan jelas dan bincangkan kenapa ia boleh berlaku. (100 markah)
7. Usaha kerajaan mengembangkan milikan kekayaan orang Melayu sebagai pemegang amanah telah ditafsirkan oleh Ozay Mehmet sebagai 'pagar makan padi'. Adakah kamu setuju? (100 markah)